

Bahasa Melayu mampu dukung identiti nasional



TEO KOK SEONG

Pelbagai dalil diberikan untuk mewajarkan pelaksanaan Program Dwibahasa, iaitu penggunaan bahasa Inggeris untuk pengajaran dan pembelajaran subjek sains dan teknologi mulai 2016, bukan sahaja mengelirukan, malah ia juga didapati tidak tepat. Beberapa dalil yang cuba menyokongnya didapati bercanggah kebenaran.

Satu daripada dalil itu ialah ia bersifat program dan bukannya dasar. Ini dihuraikan melalui perbandingannya dengan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) sebelum ini, yang disifatkan dasar kerana semua sekolah wajib melaksanakannya. Pada kali ini, walaupun masih berupa PPSMI itu dari segi pendidikannya, ia tidak wajib dilaksanakan semua sekolah. Ia pilihan sendiri dengan keperluan mengikuti syarat ditetapkan. Oleh itu, ia dikatakan program dan bukannya dasar.

Persoalannya di sini ialah sama ada program atau dasar, ia memerlukan penggunaan bahasa Inggeris yang sepatutnya tidak pun berlaku, bukan sahaja bertentangan dengan syarat bahasa pengantar sistem pendidikan kita, iaitu bahasa Melayu. Lebih penting lagi bahasa Melayu memang mampu mengendalikan bidang pendidikan itu dan lain-lain kerana ia bahasa saintifik moden.

Tidak jejas bahasa Melayu

Pelaksanaan Program Dwibahasa ini juga dipertahan sebagai tidak sesekali menjejaskan peranan bahasa Melayu. Bahasa Melayu terus digunakan bagi mereka yang mahu menimba ilmu dalam bidang itu melaluinya. Pada masa sama, pilihan diberikan kepada pelajar yang mahu memperolehnya di dalam bahasa Inggeris.

Dengan ini, kedudukan bahasa Melayu dianggap masih utuh dalam sistem pendidikan negara. Anggapan ini salah kerana peranan bahasa Melayu sudah diambil alih bahasa Inggeris. Sebenarnya, kedudukannya tetap terjejas walaupun bahasa Inggeris digunakan di sejumlah sekolah pilihan sahaja. Berubah daripada menjadi satu-satunya bahasa pengantar tunggal kepada bahasa pengantar bersama dengan bahasa lain, lebih-lebih lagi yang tidak ada pewajaran etinisiti di negara ini.

Peralihan peranan bahasa Melayu ini sesungguhnya satu pembinasaan ke atasnya, angkara kita sendiri yang bukan sahaja membelakangkannya. Tetapi lebih serius lagi kita gagal memandang jauh dari sisi politik, etnobudaya

dan etikomoral untuk terus mendukung perwatakan linguistik bahasa Melayu bagi memiliki identiti nasional kita, dalam dunia yang memaksa pensejagatan budaya untuk berbahasa Inggeris sahaja.

Sehubungan Program Dwibahasa ini, jarang sekali dalil yang diberikan itu berupa kehendak sebahagian rakyat yang memang mahu anak mereka berpendidikan dalam bahasa Inggeris, walaupun untuk sebahagian sahaja pada masa ini. Sebenarnya itulah sebabnya pendidikan sedemikian diadakan semula setelah dimansuhkan sepenuhnya beberapa tahun lalu.

Ia yang menggunakan nama lain sebenarnya lebih luas ca-

kupannya dalam penggunaan bahasa Inggeris. Kini meliputi lebih banyak mata pelajaran daripada yang terdapat ketika PPSMI dahulu. Ini sengaja dilakukan kerana mereka yang ingin memperoleh ilmu dalam bidang itu di dalam bahasa Inggeris, memang berkehendakkan sebanyak mungkin mata pelajaran diajar di dalamnya.

Beri pilihan kepada ibu bapa

Program Dwibahasa ini adalah unsur demokratik yang diamalkan dalam sistem pendidikan kita, khususnya dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Sehubungan ini, Malaysia memberi pilihan luas kepada ibu bapa dalam hal menyekolahkan anak mereka. Dengan pengenalan Program Dwibahasa ini, julat pilihan yang banyak itu menjadi semakin luas untuk diisi masyarakat.

Persoalan di sini ialah sejauh manakah pilihan banyak dan luas ini membantu dalam pembentukan negara bangsa yang bukan sahaja untuk bersatu padu, tetapi mendukung satu identiti nasional yang diinginkan sama sifatnya. Dalam hal ini, bahasa Melayu sebagai bahasa negara sepatutnya digemblengkan habis-habisan, sebagai satu-satunya bahasa yang bukan sahaja mampu memandaikan anak bangsa, tetapi juga berupaya menyatukan mereka dari pelbagai kaum untuk mendukung satu identiti nasional.

Dalam hal ini, negara yang hanya menggunakan satu bahasa dalam mendidik anak bangsa, didapati jauh lebih mudah menyatukan mereka untuk mempamerkan satu identiti nasional serupa dari negara yang membenarkan penggunaan beberapa bahasa.

Penulis

ialah Profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia dan EXCO Majlis Profesor Negara